




BULETIN AL MANSOORAH

HORMAT GURU PERLU DIAJAR OLEH IBUBAPA

Kata Imam Al-Ghazali dalam karyanya, *Ihya Ulum Al-Din*: "Sesungguhnya ibu bapa adalah sebab kewujudan seorang anak di muka bumi ini, namun kehidupan ini akan binasa. Sedangkan guru adalah sebab kepada kejayaan abadi seseorang di akhirat yang kekal selamanya". Meskipun guru bukanlah insan yang maksum dan turut melakukan kesalahan, namun ibu bapa hendaklah mendidik anak-anak supaya menghormati serta memuliakan guru. Ini adalah kerana ia merupakan sebahagian daripada sunnah yang digariskan oleh Rasulullah SAW. Dalam hadith yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad, baginda SAW bersabda: "*Bukanlah di kalangan umatku mereka yang tidak memuliakan orang yang lebih tua, mereka yang tidak menyayangi anak-anak kecil dan mereka yang tidak memberikan hak kepada guru kami*".

AMANAHAH

Sesungguhnya orang yang menuntut ilmu adalah orang yang paling beruntung kerana ia membawa amanah Allah SWT. Keuntungannya akan bertambah berkali-kali ganda seandainya amanah itu dilaksanakan dengan penuh ikhlas dan tawakal kepada Allah SWT. Apakah amanah itu? Sebagai pelajar, mereka hendaklah jujur menimba ilmu pengetahuan serta melaksanakan tugas yang diberi. Mereka turut menggalas amanah ibu bapa yang sentiasa mengharapkan kejayaan anak mencapai cita-cita seterusnya berbakti kepada keluarga, agama dan negara. Menjadi tanggungjawab anak membalas pengorbanan ibu bapa yang telah memberikan pendidikan terbaik untuk mereka.





CARA MENGHORMATI GURU

Disusun oleh Dr Khairul Nizam bin Zainal Badri, PhD, FSASS, FMIOASD

Pertama, mengerjakan tugas yang diberikan oleh guru.

Ramai pelajar yang suka mengeluh setiap kali diberikan tugas atau menduduki ujian. Padahal, semua ini adalah sebahagian dari proses pembelajaran yang harus dilalui semua pelajar. Oleh itu, cara terbaik untuk menghormati guru adalah dengan mengerjakan semua tugas yang diberikannya sebaik mungkin.

Kedua, mengucapkan terima kasih atas semua ajaran guru.

Apa tiga ucapan yang wajib dilakukan agar seseorang itu menjadi orang yang lebih baik daripada sebelumnya di mana salah satunya ialah ucapan "*Terima Kasih*". Yang lain adalah ucapan meminta pertolongan pada saat ia memerlukan bantuan dan ucapan meminta maaf ketika ia melakukan kesalahan. Adapun Terima Kasih kepada guru hendaklah diucapkan pada setiap masa atas semua pelajaran yang telah mereka berikan.

Ketiga, meminta maaf ketika melakukan kesalahan pada guru.

Manusia tidak pernah luput dari kesalahan. Begitu juga ketika melakukan kesalahan di kelas, maka perkara yang paling mulia yang perlu dilakukan oleh pelajar adalah dengan meminta maaf kepada guru. Tidak hanya itu, pelajar juga harus membuktikan bahawa mereka tidak akan mengulangi kesalahan yang sama selepas itu.

Keempat, memelihara adab sopan saat bertemu guru di luar sekolah

Sopan santun pada guru tidak hanya berhenti sampai di sekolah, tetapi juga pada saat bertemu mereka di jalanan atau di luar sekolah. Ini adalah kerana guru walaupun ia juga manusia biasa seperti orang lain tetapi kerana kedudukannya dalam tingkat ilmu, maka ia menjadi golongan yang berhak untuk dihormati.

Kelima, membantu guru saat diperlukan.

Membantu guru tidak sama dengan membodek atau berharap untuk selalu mendapatkan nilai yang bagus. Sebaliknya seorang pelajar itu hendaklah membantu gurunya dengan tulus dan ikhlas saat ia memerlukan bantuan. Misalnya, dengan membersihkan dan mengaturkan kedudukan meja dan kerusinya, membawakan buku-buku atau peralatan yang diperlukan di dalam kelas dan sebagainya.

Keenam, mentaati nasihat yang disampaikan oleh guru sebaik mungkin

Sama seperti orang tua atau ibu bapa, guru berhak memberikan nasihat yang baik kepada murid-muridnya. Guru yang baik tidak mungkin membiarkan murid-muridnya terjerumus ke dalam lembah yang bermasalah. Contoh nasihat yang selalu diberikan oleh guru adalah berkaitan dengan ketepatan masa, memberi perhatian kepada pelajaran, menyiapkan tugas, dan bersikap sopan dan baik kepada orang lain.